

22/06/1999

Kementerian ambil alih SAR

Mohd Feroz Abu Bakar

PELAN tindakan bagi mengambil alih pentadbiran dan pengurusan sekolah agama rakyat (SAR) di seluruh negara akan dibentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada dasarnya sudah bersetuju supaya Kementerian Pendidikan mengambil alih pengurusan SAR.

Katanya, kerajaan bukan sahaja akan mengambil alih pengurusan sekolah berkenaan tetapi juga menyalurkan bantuan memandangkan kebanyakan SAR mengalami banyak kekurangan, terutama dari segi kemudahan fizikal.

"Selain itu, kelayakan guru mereka juga rendah kerana sekolah membayar gaji yang rendah hingga guru yang berkecukupan tidak berminat bertugas di SAR.

"Kandungan akademik sekolah ini juga menyimpang daripada kurikulum kebangsaan selain terdapat unsur indoktrinasi seperti hasutan supaya membenci pemimpin negara.

"Jadi, kita akan membentangkan pelan tindakan kepada kerajaan untuk mengambil alih dan memberi bantuan kepada SAR," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Universiti Melalui Udara, di Petaling Jaya, Selangor, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Datuk Hassan Harun; Pengerusi Television Airtime Services Sdn Bhd (Television Airtime), Abdul Aziz Abas; Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin; Presiden Unitar, Datuk Dr Syed Othman Alhabshi dan Ahli Lembaga Pengarah Unitar, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Universiti Melalui Udara ialah program pendidikan menerusi televisyen yang dijalankan oleh Unitar dengan kerjasama TAS Education Sdn Bhd, anak syarikat Television Airtime.

Najib berkata, pengambilalihan 210 SAR di seluruh negara akan memberi manfaat kepada kira-kira 70,000 pelajar yang menjadi murid di sekolah itu kerana kebanyakan mereka berpotensi besar untuk berjaya dalam hidup.

"Kandungan akademik yang lemah di sekolah boleh merosakkan masa depan kira-kira 70,000 pelajar terbabit kerana sebahagian daripada mereka amat cemerlang di sekolah rendah dan boleh melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Tetapi, ibu bapa mereka memasukkan pelajar ini ke SAR kerana tertarik dengan pendekatan agama Islam yang terdapat di sekolah ini sedangkan sekolah ini mengajar unsur yang tidak sihat seperti membenci pemimpin dan boleh menjejaskan masa depan mereka.

"Selepas diambil alih, kita akan menerapkan kurikulum kebangsaan berteraskan agama Islam dan menyalurkan guru terlatih supaya pelajar SAR dapat diasuh menjadi lulusan yang berguna kepada masyarakat," katanya.

Najib berkata, pengambilalihan sekolah itu dilakukan berdasarkan peruntukan dalam Akta Pendidikan 1996 yang menetapkan pendaftaran semua sekolah mestilah dipohon kepada Kementerian Pendidikan.

Katanya, tindakan mengambil alih sekolah agama rakyat secara berperingkat juga akan dapat menampung permintaan yang tinggi di kalangan ibu bapa yang sangat berminat untuk menghantar anak masing-masing ke sekolah berteraskan agama Islam.

Contohnya, menurut beliau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Wilayah Persekutuan hanya dapat menyediakan tempat kepada 25 peratus permohonan yang diterima setiap tahun.

(END)